

MAHATHIR-BUMIPUTRA

1982

KOTA BAHRU, APR. 18 (BERNAMA) -- PARA PENGUSAHA DAN PENIAGA BUMIPUTRA PASTI MENDAPAT KEJAYAAN JIKA MEREKA BERANI MENGHADAPI CABARAN DAN SANGGUP SUSAH DAHULU TAPI SENANG KEMUDIAN, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI,

KERAJAAN SENTIASA MEMBERI GALAKKAN DAN BANTUAN MELALUI PINJAMAN BANK ATAU AGENSI-AGENCI LAIN SUPAYA BUMIPUTRA DAPAT MENJALANKAN PERUSAHAAN MEREKA.

BERUCAP MERASMIKAN KILANG GAS PANTAI TIMUR SENDIRIAN BERHAD, SEBUAH SYARIKAT BUMIPUTRA, DI KAWASAN PERINDUSTRIAN PENGKALAN CHEPA DEKAT SINI PETANG INI, BELIAU BERKATA, KINI RAMAI BUMIPUTRA TELAH BERJAYA DALAM LAPANGAN-LAPANGAN TERSEBUT TETAPI MEREKA TIDAK MENGHEBAHKAN KEJAYAAN ITU.

SEBALIKNYA, MEREKA YANG GAGAL, MENDAKWA KERAJAAN TIDAK MENOLONG MEREKA TETAPI SEBENARNYA, KERAJAAN TELAH MEMBERI BERBAGAI PERTOLONGAN YANG DIPERLUKAN, TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIFATKAN GOLONGAN INI CUMA MEMENTINGKAN +RUPA BENTUK DARI ISI KANDUNGAN+ APABILA MEMULAKAN SESUATU PERUSAHAAN. -- BERSAMBUNG 2030/AI

MAHATHIR-BUMIPUTRA 2 KOTA BAHRU

GOLONGAN INI JUGA TERDIRI DARI MEREKA YANG MAHUKAN KESENEGAN DAHULU DAN SUSAH KEMUDIAN, TEGASNYA.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI YAKIN SEBELUM 1990 LEBIH RAMAI LAGI BUMIPUTRA AKAN MENCAPAI KEJAYAAN DALAM LAPANGAN PERUSAHAAN DAN PERDAGANGAN.

BELIAU MENASIHATKAN BUMIPUTRA SUPAYA SANGGUP MEMPELAJARI BIDANG PENGURUSAN MODEN DEMI MENCAPAI KEJAYAAN, KATA BELIAU.

SEKARANG, BIDANG PENGURUSAN PERNIAGAAN ADALAH BERLAINAN BERBANDING DENGAN MASA-MASA LALU DAN SELAIN DARI ITU, BUMIPUTRA JUGA HARUS BERANI MENCEBUR DIRI DALAM BIDANG-BIDANG BARU.

TAMBAH BELIAU, TIDAK SEMESTINYA PERNIAGAAN ATAU PERUSAHAAN YANG HENDAK DIJALANKAN ITU SERATUS PERATUS KEPUNYAAN BUMIPUTRA.

MEREKA HENDAKLAH MENGAMBIL KAUM-KAUM LAIN YANG MEMPUNYAI KEMAHIRAN DAN KEPAKARAN DALAM SELOK-BELOK PERNIAGAAN SUPAYA PERNIAGAAN YANG DIJALANKAN ITU MENCAPAI KEJAYAAN. -- BERSAMBUNG 2032/AI

B618:

MAHATHIR-BUMIPUTRA 3 KOTA BAHRU

SELAIN DARIPADA ITU KEMASUKAN KAUM-KAUM LAIN JUGA AKAN MEMBERI PELUANG KEPADA BUMIPUTRA MEMPELAJARI BIDANG PENGURUSAN YANG DIPERLUKAN DISAMPING MENAMBAH KENALAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, TANPA KENALAN SESUATU PERUSAHAAN TIDAK DAPAT BERJALAN DENGAN MAJU DAN TIDAK AKAN BERKEMBANG.

BELIAU BERASA BANGGA DENGAN KILANG TERSEBUT KERANA BERANI MERINTIS JALAN DALAM INDUSTRI GAS YANG MANA DAPAT MEMBANTU PERKEMBANGAN INDUSTRI-INDUSTRI LAIN DI NEGERI INI.

INDUSTRI-INDUSTRI TERSEBUT JUGA AKAN MEMBUKA LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN KEPADA ANAK-ANAK KELANTAN YANG KINI RAMAI BERHIJRAH KE NEGERI-NEGERI LAIN UNTUK MENCARI PEKERJAAN.

KATA BELIAU, ANAK-ANAK KELANTAN MEMPUNYAI KEMAHIRAN DAN KEMAMPUAN YANG DIPERLUKAN DAN DENGAN BERKEMBANGNYA BIDANG PERINDUSTRIAN DI NEGERI INI MEREKA TIDAK PERLU LAGI BERHIJRAH KE TEMPAT LAIN.

TURUT HADIR DI MAJLIS TERSEBUT IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH, MENTERI BESAR DATUK MOHAMED YAACOB, MENTERI PERDAGANGAN DAN PER-INDUSTRIAN TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN DAN ISTERI MASING-MASING. --  
BERNAMA 2046/AI